

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) rancangan untuk memasang “body camera” ke atas setiap anggota polis yang menjalankan tugas untuk mengelakkan salah guna kuasa dan rasuah; dan

(b) adakah ia akan dilaksanakan oleh Kerajaan PN.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan sentiasa mengambil berat berhubung tahap integriti anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM). Penggunaan body worn camera dalam penugasan oleh anggota PDRM berupaya mengelakkan tuduhan dan tohmahan semasa menjalankan tugas yang akan memartabatkan reputasi anggota PDRM serta meningkatkan persepsi positif kepada rakyat kepada PDRM. Permohonan Projek Body Worn Camera Rolling Plan Pertama (RP1) RMK-12 untuk PDRM Fasa 1 ini melibatkan cadangan perolehan sebanyak 2,168 unit body worn camera 4G.

Perolehan peralatan ini akan dilaksanakan pada tahun 2021. Kerajaan komited untuk melaksanakan projek body worn camera ini mengambilkira outcome positif yang dapat diperolehi bagi mengurangkan kes aduan, perbuatan salah laku dan rasuah anggota PDRM ketika menjalankan tugas di lapangan.

Selain itu, ia dijangka dapat meningkatkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan selain meningkatkan hubungan positif antara polis dan masyarakat.